

MRT Corp beri 50 pakej kontrak

MASS Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) menganugerahkan 50 lagi pakej kerja bernilai kira-kira RM20 juta bagi projek aliran MRT Sungai Buloh-Kajang.

Pakej kerja itu diberikan secara undian kepada syarikat Bumiputera daripada sekumpulan 471 kontraktor yang disenarai pendek serta dinilai terlebih dulu oleh MRT Corp.

Ia adalah undian kedua untuk kontrak Bumiputera selepas undian pertama diadakannya pada Januari lalu.

Syarikat yang dianugerahkan dengan pakej kerja berkenaan adalah daripada gred G1 hingga G4.

Kontraktor di bawah Gred G1 layak bagi pakej kerja bernilai sehingga RM200,000, manakala kontraktor Gred G2 bagi pakej kerja bernilai antara RM200,001 hingga RM500,000.

Sementara itu, kontraktor G3 pula layak untuk pakej kerja bernilai antara RM500,001 hingga RM1 juta sambil kontrak Gred G4 berhak membida pakej kerja bernilai sehingga RM3 juta.

Gred bagi kontraktor ditentukan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).

Antara pakej kerja yang dianugerahkan oleh MRT Corp

semalam ialah bagi kerja perparitan, jalan, sivil, keluli, struktur serta reka bina selain kerja lanskap dan awam.

Kontraktor yang berjaya akan memulakan kerja pada akhir tahun ini. Semua kerja berkenaan dijangka diselesaikan menjelang akhir tahun depan.

Ketua Eksekutif MRT Corp, Datuk Azhar Abdul Hamid, berkata majlis undian yang dilakukan semalam mencerminkan komitmen pihaknya terhadap agenda Bumiputera.

"Tanggungjawab untuk melaksanakan agenda Bumiputera yang diberikan kepada kami

oleh kerajaan adalah sangat berat. MRT Corp mengambil tanggungjawab ini dengan serius bagi membantu membangunkan syarikat Bumiputera," katanya sebelum majlis undian itu, semalam.

Azhar menegaskan, agenda Bumiputera MRT Corp bukan hanya sekadar mengagihkan kontrak kepada kontraktor Bumiputera, malah dari segi latihan.

"Justeru, syarikat yang berjaya akan melalui program latihan wajib selama dua hari yang merangkumi bidang seperti pengurusan projek dan kewangan," katanya.



"Saya berasa sangat gembira melihat kontraktor daripada kumpulan terdahulu mencatatkan prestasi baik. Saya berharap untuk melihat tahap prestasi sama bagi kumpulan kontraktor ini"

Azhar Abdul Hamid,
Ketua Eksekutif MRT Corp



Landasan MRT di Kuala Lumpur.